

BUTIR-BUTIR LAIN

1. Adakah premis berkenaan terletak di penjuru jalan ?	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
2. Sebutkan jenis pembinaan dan jumlah tingkat di bangunan ini.	
3. Bingkai kacanya dibuat daripada kayu atau bahan jenis apa ?	
4. Adakah mana-mana cermin untuk diinsuranskan itu berada di antara jarak 50 sm dari kaki lima ? Jika ada, sila berikan butiran.	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
5. Sejak dua belas bulan lalu, ada atau tidak sebarang kaca tersebut pecah ? Jika ada, bagaimanakah ia pecah ?	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
6. Adakah kaca untuk diinsuranskan itu kini pecah atau dalam keadaan rosak ? Jika ya, berikan butiran.	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
7. Bagi risiko yang anda minta diinsuranskan sekarang, pernahkah sebarang Penanggung Insurans: (a) Menolak untuk menginsuranskan anda ? (b) Enggan membaharui insurans anda ? (c) Menaikkan premium anda untuk pembaharuan ? Jika pernah, sila beri butiran.	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
8. Pernahkah anda diinsuranskan dulu terhadap pemecahan kaca ? Jika pernah, sila berikan butiran.	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
9. Adakah kaca anda itu sekarang telah diinsuranskan daripada pecah ? Jika ya, sila berikan butiran.	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
10. Pernahkah anda membuat tuntutan di bawah sebarang polisi bagi kerugian atau kerosakan bagi mana-mana risiko yang anda minta diinsuranskan sekarang ? Jika pernah, sila berikan butiran.	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak

FASAL WARANTI PREMIUM

Telah menjadi syarat khas yang utama dan mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa premium yang mesti dibayar hendaklah dibayar dan diterima oleh pihak penanggung insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh Polisi/Pengendorsan/Sijil Pembaharuan ini mula berkuat kuasa.

Jika syarat tadi tidak dipatuhi, kontrak insurans ini akan terbatal secara automatik dan pihak penanggung insurans akan diberi hak ke atas premium secara prorata bagi tempoh yang melindungi risiko.

Jikalau premium yang dibayar menurut waranti ini diterima oleh seorang ejen berkuasa bagi pihak penanggung insurans, bayaran tersebut hendaklah disifatkan telah diterima oleh pihak penanggung insurans bagi tujuan-tujuan waranti ini manakala kewajipan (ONUS) untuk membuktikan bahawa premium yang dibayar itu telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans, yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium berkenaan adalah terletak pada pihak penanggung insurans.

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini ataupun sebaliknya.

CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)**Notis Cukai Barangan Dan Perkhidmatan**

Anda dinasihati untuk mengkaji kecukupan Jumlah Diinsuranskan anda kerana Cukai Barangan dan Perkhidmatan boleh memberi kesan kepada penyelesaian tuntutan anda seperti dibawah.

Kesan Cukai Barangan Dan Perkhidmatan Terhadap Penyelesaian Tuntutan**Penyelesaian Tuntutan**

Kami akan membayar tuntutan anda termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan pada item bekalan yang dikenakan cukai, sehingga had Jumlah Diinsuranskan.

Sekiranya anda layak untuk membuat tuntutan bagi Kredit Cukai Input dan sekiranya kami membuat bayaran di bawah polisi ini sebagai pampasan kepada anda, kami akan mengurangkan jumlah bayaran dengan menolak Kelayakan Kredit Cukai Input anda tidak kira samada anda telah menuntut input Kredit Cukai Input, tertakluk kepada had Jumlah Diinsuranskan.

AKUAN

Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa menurut apa yang saya/kami sesungguhnya ketahui, pernyataan yang terkandung dalam borang cadangan ini adalah betul dan benar dan saya/kami tidak menyelindung, salah menyatakan atau salah memberikan sebarang fakta matan.

Saya/Kami bersetuju bahawa pernyataan dan akuan yang terkandung dalam borang cadangan ini hendaklah dijadikan asas kontrak bagi insurans ini dengan pihak Syarikat dan ia juga hendaklah disifatkan telah digabungkan dalam kontrak ini.

Tarikh
 Hari Bulan Tahun

.....
Tandatangan Pencadang/Mohor Syarikat